



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

GARIS PANDUAN

KLINIK PANEL

DAN

KLINIK BUKAN PANEL

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

AL-SULTAN ABDULLAH

DISEDIAKAN OLEH:
UNIT PERKHIDMATAN DAN KEBAJIKAN
PUSAT PENGURUSAN BAKAT
JABATAN PENDAFTAR

1. PENGENALAN

1.1 Nama

Skim ini dinamakan Skim Perkhidmatan Perubatan Staf Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

1.2 Tujuan

Skim ini bertujuan menetapkan perkhidmatan dan kemudahan perubatan kepada staf dan tanggungan mereka dengan pembiayaan yang ditentukan oleh Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

1.3 Takrifan

Dalam Skim ini

- a) 'UMPSA' bermaksud Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.
- b) 'Doktor Kerajaan' bermaksud doktor yang berkhidmat dengan mana-mana Hospital Kerajaan.
- c) 'Doktor Panel' bermaksud doktor perubatan yang bertauliah atau berdaftar yang bertugas di klinik panel yang dilantik oleh UMPSA.
- d) 'Doktor Swasta' bermaksud doktor perubatan berdaftar yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dan tidak tersenarai atau tidak dilantik sebagai Doktor Panel.
- e) 'Doktor Universiti' bermaksud seseorang pegawai perubatan yang dilantik untuk berkhidmat di UMPSA khususnya di Unit Kesihatan Pelajar.
- f) 'Klinik Panel' bermaksud mana-mana hospital swasta, pusat perubatan swasta dan klinik perubatan swasta yang dilantik oleh UMPSA untuk diberi rawatan perubatan kepada staf dan tanggungan mereka seperti diperuntukan di dalam skim ini.
- g) 'Staf' bermaksud seseorang yang dilantik dan berkhidmat dengan UMPSA yang layak menerima faedah dan kemudahan perkhidmatan perubatan mengikut syarat-syarat di perenggan 2.1
- h) 'Jawatankuasa Perubatan' bermaksud jawatankuasa yang ditubuhkan atas arahan Universiti untuk mempertimbangkan dan membuat perakuan bagi kes perubatan.
- i) 'Naib Canselor' bermaksud Naib Canselor UMPSA.

- j) 'Pendaftar' bermaksud Pendaftar UMPSA.
- k) 'Tanggungjawab Staf' bermaksud isteri atau isteri-isteri atau suami serta anak-anak yang layak menerima bagi maksud mendapat rawatan klinik panel. Anak-anak (termasuk anak tiri atau anak angkat sah dari segi undang-undang) yang ditanggung sepenuhnya oleh staf dengan syarat anak itu berumur di bawah 18 tahun, tidak bekerja dan belum berkahwin kecuali anak yang masih belajar sepenuh masa yang berumur tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin.

1.4 Pemakaian

Peruntukan-peruntukan dalam skim ini adalah terpakai bagi semua staf yang layak melainkan jika dinyatakan sebaliknya dalam syarat-syarat perlantikan seseorang staf atau dalam syarat-syarat pemberian biasiswa atau cuti belajar atau cuti sabbatical atau penempatan industri di dalam negeri.

1.5 Had-had Skim

Kemudahan yang layak diperolehi staf dan tanggungan adalah terhad kepada kemudahan yang disediakan klinik panel dan klinik bukan panel.

2. KELAYAKAN

2.1 Mereka yang layak mendapat kemudahan perubatan ini adalah;

2.1.1 Semua staf Universiti yang dilantik secara tetap (samaada dalam tempoh percubaan atau telah disahkan), kontrak atau mana-mana staf yang syarat pelantikan ada diperuntukan kelayakan untuk mendapat kemudahan perkhidmatan perubatan adalah layak menerima kemudahan perubatan ini.

2.1.2 Rekod tanggungan hendaklah sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa. Staf dikehendaki mengisi maklumat penambahan tanggungan (anak) atau pertukaran taraf perkahwinan ke dalam system maklumat staf (e-Com > Staff Management).

3. HAD SKIM

Skim ini terhad kepada kemudahan rawatan yang disediakan di Klinik Panel UMPSA dan Klinik Bukan Panel.

3.1 Pindaan Polisi

Walau apa-apapun yang diperuntukan di dalam polisi, Universiti berhak untuk meminda, membuat atau membatalkan mana-mana peruntukan yang dirasakan wajar.

4. KEMUDAHAN RAWATAN KLINIK PANEL DAN KLINIK BUKAN PANEL UMPSA

UMPSA telah melantik beberapa klinik swasta sebagai klinik panel dan sekiranya klinik tersebut mempunyai cawangan, ianya dianggap sebagai sebuah klinik yang berasingan dan tidak secara automatik menjadi klinik panel Universiti. Perlantikannya adalah secara berasingan.

Kelayakan tahunan yang ditetapkan bagi staf UMPSA adalah seperti jadual di bawah :

KATEGORI STATUS STAF	HAD KLINIK PANEL (RM)	HAD KLINIK BUKAN PANEL (RM)	JUMLAH HAD PERUBATAN SETAHUN (RM)
Bujang atau berkahwin anak sehingga 2 yang berumur bawah 18 atau 21 tahun jika masih belajar, belum berkahwin dan tidak bekerja	750.00	250.00	1,000.00
Berkahwin anak 3 hingga 5 berumur bawah 18 atau 21 tahun jika masih belajar, belum berkahwin dan tidak bekerja	1,000.00	300.00	1,300.00
Berkahwin anak melebihi 5 orang, berumur bawah 18 atau 21 tahun jika masih belajar, belum berkahwin dan tidak bekerja	1,000.00	500.00	1,500.00

- 4.1 Bagi staf yang mempunyai pasangan yang berkhidmat di UMPSA, kelayakan kemudahan adalah sebanyak **RM1,000.00 setahun** iaitu **RM750.00 untuk Klinik Panel** dan **RM250.00 untuk Klinik Bukan Panel**.
- 4.2 Had kelayakan rawatan adalah **RM80.00 bagi setiap sesi**.

- 4.3 Staf **tidak dibenarkan memecahkan bil/resit/borang rawatan** sekiranya kos rawatan melebihi had yang telah ditetapkan. Staf perlu menanggung sendiri lebih caj rawatan.
- 4.4 Walaubagaimana kemudahan tuntutan **melebihi had siling tahunan berjumlah RM1,000.00** boleh dipertimbangkan dengan budi bicara pihak Universiti dalam situasi berikut;
- i. Staf hendaklah mendapatkan rawatan di hospital/klinik kerajaan atau Pusat Kesihatan Universiti (PKU) terlebih dahulu.
 - ii. Bagi rawatan kecemasan di hospital/klinik swasta berhampiran dengan tempat kejadian kecemasan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat bahawa rawatan yang diperolehi adalah merupakan rawatan yang diperlukan secara serta merta dan tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa pesakit (life threatening) dan status kecemasan berkenaan hendaklah disahkan oleh pakar perubatan hospital/klinik swasta yang merawat pesakit.
 - iii. Sekiranya jarak kejadian kecemasan dengan hospital/klinik swasta dan hospital/klinik kerajaan/PKU adalah sama, pesakit hendaklah mendapatkan rawatan di hospital/klinik kerajaan/PKU.
 - iv. Permohonan tuntutan bagi rawatan bagi rawatan kecemasan hendaklah disertakan dengan laporan klinikal terperinci daripada pakar perubatan hospital/klinik swasta yang merawat pesakit.
- 4.5 Kemudahan yang diberikan ini bukan hak staf. Bagi kadar tuntutan klinik panel tidak boleh digunakan untuk tuntutan Bukan Klinik Panel dan sebaliknya.
- 4.6 Baki had rawatan perubatan yang tidak digunakan akan lupus dan tidak boleh dibawa ke tahun hadapan.

5. RAWATAN YANG DITANGGUNG

- 5.1 **Rawatan yang dibenarkan di klinik panel** adalah sebagaimana berikut;
- i. Rawatan pesakit luar (outpatient)/ rawatan sakit biasa (general treatment);
 - ii. Rawatan penyakit biasa dengan suntikan
 - iii. Pembedahan kecil; dan

- iv. Jahitan luka/ cucian luka/ bisul/ bengkak/ bermanah/ penghapusan racun dan bergantung kepada had-had pesakit luar. Kos rawatan adalah tidak melebihi RM80.00 bagi setiap sesi termasuk kos anak Orang Kurang Upaya (OKU).

5.2 Rawatan yang tidak dibenarkan dalam kemudahan rawatan ini adalah;

- i. Rawatan pakar;
- ii. Rawatan bersalin;
- iii. Rawatan yang memerlukan pembedahan besar;
- iv. Perkhidmatan berkhatan;
- v. Jenis penyiasatan (X-tray & ECG);
- vi. Ujian darah dan air kencing bagi sakit yang memerlukan rawatan berterusan seperti sakit jantung, kencing manis, darah tinggi dan lain-lain. Bagi rawatan tersebut hendaklah dirujuk ke hospital/ klinik kerajaan atau Pusat Kesihatan Universiti;
- vii. Suntikan Imunisasi;
- viii. Suntikan Vaksin;
- ix. Semua rawatan pergigian ;
- x. Semua kos perubatan untuk perundingan atau rawatan serta ubat untuk tujuan kosmetik; dan
- xi. Mana-mana kos perubatan untuk perundingan dan rawatan serta ubat yang pada pandangan anggapan Universiti tidak tergolong dalam kategori rawatan pesakit luar atau rawatan sakit biasa.

5.3 Rawatan untuk Klinik Bukan Panel boleh dituntut secara terbuka dimana-mana sahaja.

5.4 Senarai Klinik Panel yang dilantik oleh UMPSA adalah seperti di Lampiran 1.

6. TANGGUNGJAWAB STAF

6.1 Staf hendaklah membuat tuntutan Klinik Panel dan Klinik Bukan Panel seperti berikut;

**E-Community > Staf Managemant > Human Resources > Perubatan
> Tuntutan Klinik Panel**

**E-Community > Staf Managemant > Human Resources > Perubatan
> Tuntutan Klinik Bukan Panel**

- 6.2 Staf boleh menyemak baki had perubatan Klinik Panel dan Klinik Bukan Panel seperti berikut;

**E-Community > Staf Managemant > Human Resources > Perubatan
> Dashboard Reporting Staf**

7. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 7.1 Bertanggungjawab mengesahkan tuntutan dan Bukan Klinik Panel yang dikemukakan oleh staf. Manakala tuntutan Klinik Panel adalah diuruskan oleh Jabatan Pendaftar.
- 7.2 Mengesahkan permohonan tuntutan had perubatan melebihi syiling tahunan sekiranya ada; dan
- 7.3 Memastikan bayaran tuntutan Bukan Klinik Panel dilaksanakan berdasarkan tatacara dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

8. TARIKH KUAT KUASA

- 8.1 Garis panduan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2026**.

9. MAKLUMAT PERTANYAAN

- 9.1 Sebarang pertanyaan mengenai Garis Panduan ini boleh dikemukakan kepada;

**Unit Perkhidmatan dan Kebajikan
Pusat Pengurusan Bakat
Jabatan Pendaftar
Emel: ukk@umpsa.edu.my**

**SENARAI KLINIK PANEL UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN
ABDULLAH**

1. Klinik Ivorymedic 24 Jam (Cawangan Bandar)
2. Klinik Al-Farabi Masjid Negeri
3. Klinik Kasih
4. IIUM Family Health Clinic
5. Klinik Putramedik, Cawangan Radiance
6. Klinik An'Nisa
7. Poliklinik Ar-Razi, Perubatan & X-ray
8. Klinik Ivorymedic 24 Jam (Batu 3)
9. Klinik Rosli
10. MYA Clinic
11. Klinik Al-Farabi Jaya Gading
12. Klinik Wira
13. Klinik Hidayah
14. Klinik Azzahra Harapan (Gambang)
15. Klinik Azzahra Bandar Putra
16. Klinik Adam Hawa (Tanjung Lumpur)
17. Klinik Ar-Raudhah
18. Klinik Salam Tanjung Lumpur
19. Klinik Careclinic Pekan
20. Klinik Azzahra Impian (Pekan)
21. Klinik Dr. Halim & Nor
22. Klinik Aman 14 Jam
23. Klinik An-Nur Pekan

**** Makluman: Senarai klinik panel ini adalah sah dan berkuat kuasa sehingga 14 Mac 2026 sahaja, tertakluk kepada sebarang pindaan dari semasa ke semasa.**